

## NARATIF DIMENSI KEPIMPINAN SPIRITUAL DARI PERSPEKTIF KEPIMPINAN ISLAM

**Suzana binti Zakaria**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

suzanazakaria68@gmail.com

Dr. Khalip bin Musa

Universiti Pendidikan Sultan Idris

khalip@fpe.upsi.edu.my

### ABSTRAK

*Isu yang berkaitan dengan kepimpinan sentiasa menjadi topik perbincangan sehingga kini. Kepimpinan adalah sebagai satu seni dalam menguasai dan mempengaruhi mereka yang dipimpin untuk mencapai berbagai-bagai tujuan yang dikehendaki dalam organisasi. Kepimpinan Spiritual adalah kepimpinan kerohanian yang membawa dimensi keduniaan kepada dimensi keilahian. Manakala kepimpinan Islam adalah berdasarkan kepada dua mekanisme utama iaitu akauntabiliti terhadap Allah yang Maha Pencipta dan akauntabiliti terhadap manusia. Justeru itu, penulisan ini menerangkan dimensi-dimensi dalam kepimpinan spiritual dari perspektif kepimpinan Islam. Dimensi-dimensi tersebut seperti Visi (vision) yang menjelaskan ketauhidan kepada Allah, Harapan/keyakinan (hope/faith), Nilai altruistik (altruistic love), Panggilan (calling) dan Keahlian (membership). Kesimpulan daripada perbincangan penulis menjelaskan bahawa dimensi-dimensi dalam kepimpinan spiritual bertepatan dengan prinsip-prinsip yang telah dilaksanakan dalam kepimpinan Islam yang merujuk kepada Al-Quran dan As-Sunnah.*

**Kata kunci:** *Kepimpinan Spiritual dan Kepimpinan Islam*

### PENGENALAN

Dunia dipaparkan dengan pelbagai krisis kepimpinan yang hebat sepanjang tahun. Krisis kepimpinan tersebut menyentuh pelbagai isu yang berkaitan dengan pengurusan organisasi seperti isu kepimpinan yang melibatkan rasuah dan tadbir urus yang buruk seperti penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pemimpin. Melihat dalam konteks Malaysia pula, masalah rasuah dikaitkan dengan isu kepimpinan semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat. Skor dalam CPI ditentukan mengikut tahap persepsi rasuah dalam sector awam negara berdasarkan skala sifar (dianggap paling rasuah) kepada 100 (paling bersih). Denmark dan New Zealand diumumkan sebagai negara paling bersih rasuah dengan catatan skor 88 dan 87 manakala Somalia, Sudan dan Syria menduduki tangga terbawah.

Menurut Mohd Farid (2016). Kepimpinan yang baik merupakan perkara yang penting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu kelompok manusia yang dipanggil sebagai pengikut. Manusia memerlukan pemimpin bagi membolehkan urusan kehidupan mereka dapat disempurnakan dengan baik. Pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para sarjana terhadap gaya dan amalan kepimpinan yang bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan terhadap bentuk kepimpinan yang bersesuaian dengan kehendak pengikut. Bagi


pemimpin yang ingin berjaya dalam abad ke 21, mereka bukan mempelajari dari masa lampau, tetapi juga perlu berkembang maju mengikut anjakan paradigm.

### Kepimpinan Spiritual

Kepimpinan spiritual adalah kepimpinan yang membawa dimensi keduniaan kepada dimensi keilahian. Ini adalah tuhan sebagai pemimpin yang sejati yang dapat mengilham, mempengaruhi, melayani dan menggerak hati nurani setiap manusia dengan sangat bijaksana melalui pendekatan etika dan keteladanan. Dengan ini kepimpinan spiritual merupakan satu bentuk kepimpinan yang berdasarkan etika keagamaan, kecerdasan kerohanian, iman dan hati nurani. Tobroni (2005) Selanjutnya Fry (2003) menegaskan bahawa kepimpinan spiritual sebagai sebuah nilai, sikap dan perilaku pemimpin yang diperlukan untuk memotivasikan diri sendiri dan orang lain. Kepimpinan spiritual bukan hanya merujuk kepada pemimpin agama semata-mata tetapi merangkumi semua pemimpin organisasi. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa keperluan kajian terhadap kepimpinan spiritual dalam organisasi sekolah.

Konsep kepemimpinan spiritual merujuk kepada amalan *spiritual* yang juga dikenali sebagai amalan kerohanian. Menurut al-Ghazali (2000:532) kerohanian adalah merujuk kepada empat elemen iaitu *al-ruh*(roh), *al-qalb*(hati), *al-a'q*(akal) dan *al-nafs*(nafsu). Perkara ini menjelaskan bahawa aspek kerohanian adalah aspek ma'nawi yang tersimpan di dalam diri manusia. Penerapan elemen kerohanian atau *spirituality* dalam pendidikan memberi impak yang positif bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada guru-guru. Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Buchanan (2009) yang mendapati bahawa penekanan dimensi kerohanian dapat membantu guru-guru mengatasi perasaan bimbang dan tekanan serta menuju ke arah pengurusan kerjaya yang lebih berkesan. Di samping itu, individu yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, akan lebih mudah menerima latihan fizikal, bertanggungjawab dan memiliki sokongan sosial dan perkembangan kerohanian yang baik (Salleh & Zuria, 2009).

### Teori Kepimpinan Spiritual



Teori kepimpinan spiritual Spiritual Leadership Theory (SLT) -Sumber: Fry (2005)

Menurut Fry (2003), kepimpinan spiritual digambarkan sebagai nilai, sikap dan tingkah laku yang mempunyai kelangsungan rohani, rasa terpuji dan rasa keahlian dan perlu kepada motivasi intrinsik untuk diri sendiri dan juga orang lain. Kepimpinan ini melibatkan perbuatan memotivasi dan memberi inspirasi secara dalaman diri (inner life) melalui harapan dan kepercayaan dalam visi perkhidmatan kepada pihak yang berkepentingan dan budaya berdasarkan nilai-nilai kasih sayang altruistik untuk menghasilkan tenaga kerja yang bermotivasi, komited dan produktif. Tujuan kepimpinan spiritual adalah untuk memenuhi keperluan asas kedua-dua pemimpin dan pengikut untuk spiritual yang sejahtera melalui panggilan (calling) iaitu kehidupan yang mempunyai makna dan keanggotaan (membership) iaitu untuk mencipta wawasan dan kesesuaian diri merentasi tahap individu, kuasa dan komitmen organisasi yang pada akhirnya untuk memupuk tahap kesejahteraan pekerja yang lebih tinggi dan bertanggungjawab sosial. Menurut Huang dan Shin (2011), pemimpin spiritual mempunyai pengaruh yang positif kepada kehidupan sosial masyarakat dan keluarga terdekat.

### Kepimpinan Menurut Perspektif Islam

Kepimpinan adalah suatu peranan dan proses untuk mempengaruhi orang lain dalam membentuk manusia untuk menjadi insan kamil dan merupakan salah satu tanggungjawab sebagai khalifah. Istilah khalifah ditujukan kepada manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T. untuk memikul tanggungjawab di muka bumi ini seperti firman-Nya:

*Al-Baqarah (2): 30 Terjemahan: Ingatlah kepada Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.*

Apabila membincangkan isu kepimpinan, perkara utama yang akan diutarakan adalah corak atau gaya kepimpinan itu dilaksanakan dan kriteria atau ciri-ciri peribadi individu yang memimpin sama ada dalam aspek pemerintahan, pentadbiran atau memimpin sebuah organisasi, Omar Bin Abdul, (2012). Berbeza dengan kepimpinan Barat yang mempraktikkan teori-teori dan beberapa gaya kepimpinan yang hanya berpandukan kepada rasional akal manusia, konsep kepimpinan dalam Islam memiliki asas dan dasar yang sangat kuat dan kukuh. Menurut Nayal, (2007) Ia dibangun dengan nilai-nilai keimanan dan kerohanian serta telah dipraktikkan sejak berabad yang lalu oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, para Sahabat dan Khulafa' al-Rashidin. Kekuatannya adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah serta dengan bukti empirikal telah menempatkan konsep kepimpinan Islam sebagai salah satu model kepimpinan yang diakui dan dikagumi oleh dunia hari ini. Menurut Michael H. Hart (1978) dalam penulisananya "The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History", Rasulullah s.a.w adalah individu yang paling berpengaruh dalam sejarah manusia terutama dari aspek gaya kepimpinan yang dibawa oleh Baginda.

### Kepimpinan Islam

Kepimpinan Islam melalui ajaran Al-Quran menekankan konsep role model (uswatun hasanah) dengan menjadikan nabi Muhammad (s.a.w) contoh ikutan yang baik dan meletakkan keredhaan Allah sebagai matlamat utama dalam setiap perkara yang dilakukan (Al-Quran Al-Karim).

Kepimpinan merupakan persoalan yang sering dibincangkan dalam kalangan fuqaha Islam. Persoalan kepimpinan amat penting kerana Islam melihat kepimpinan ini sebagai asas kejayaan dunia dan akhirat. Dalam konteks yang lebih global kepimpinan bermula pada zaman Rasulullah s.a.w merupakan model kepimpinan Islam, yang seterusnya disambung oleh khulafa' al-Rasyidin, kerajaan Bani Umaiyah, Bani Abbasiyyah hingga kepada kerajaan terakhir Uthmaniah. Konsep kepimpinan secara jelas dikupas oleh kebanyakan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Seterusnya ia terus dibincangkan secara terperinci oleh kebanyakan fuqaha Islam yang membuktikan bahawa ia satu topik terpenting dalam syariat Islam. Imam al-Ghazali juga tidak terkecuali daripada membincangkan isu mengenai kepimpinan. Beliau juga telah menyatakan dalam tulisannya mengenai ciri-ciri kepimpinan dalam Islam. Kepimpinan menurut perpektif Islam bukanlah suatu kedudukan yang boleh dianggap istimewa atau perlu direbut-rebut kerana ia sebenarnya lebih bersifat amanah. Rasulullah saw pernah mengingatkan Abu Dzar Al-Ghifiri yang memohon diberi suatu jawatan mentadbir wilayah Islam dalam sabdanya yang bermaksud:

*Sesungguhnya kepimpinan itu adalah satu amanah ,  
pada hari kiamat ia merupakan kehinaan dan penyesalan  
kecual bagi mereka yang menunaikan amanahnya dengan  
sempurna seperti yang telah dipertanggungjawabkan.*

Bagi orang Islam, prinsip dan anjaran mereka adalah bersumberkan al-Quran dan Hadis. Al-Quran mengandungi wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) manakala Hadis mengandungi perkataan, tindakan dan pengakuan Nabi Muhammad (s.a.w). Kepimpinan Islam adalah berdasarkan kepada dua mekanisme utama iaitu akauntabiliti terhadap Allah yang Maha Pencipta dan akauntabiliti terhadap manusia (Abbasi et al., 2010). Kerja dalam Islam merupakan teras iman dan dianggap sebagai sebahagian dalam kehidupan (Ali & Al-Owaidan, 2008). Manakala tanggungjawab pemimpin, sifat adil, berpegang dengan nilai etika yang baik serta rangsangan ke atas sikap dan tingkah laku yang baik dibentuk melalui hubungan yang rapat dengan Allah serta menurut ajaran agama dengan sebaiknya (Nik Mutasim et al., 2006). Tingkah laku yang baik ini termaksudlah usaha, dedikasi, kerjasama, tanggungjawab, hubungan sosial dan kreativiti (Nik Mutasim, Nordin & Abdullah Sanusi, 2006).

### **Teori Kepimpinan Islam**

Perbincangan teori kepimpinan Islam dibahaskan meliputi perspektif tokoh-tokoh ilmunan Islam terhadap kepimpinan Islam yang dihubungkan dengan komitmen terhadap kerja, tugas dan tanggungjawab.

#### **i. Teori Kepimpinan Ibn Khaldun**

Menurut pandangan Ibn Khaldun, hakikat khalifah adalah seseorang yang bertugas memelihara dan melaksanakan syariat dalam memartabatkan urusan agama dan mengelola dunia. Dari aspek kepimpinan, Ibn Khaldun menegaskan para pemimpin Islam perlu mempunyai iman yang mantap. Keimanan yang bertunjangkan keyakinan dan ketaqwaan akan dapat melestarikan syariat Allah S.W.T dalam segenap lapisan masyarakat, Syahrul Nizam Junaini, (2004). Para pemimpin harus berani menegur orang bawahannya. Pekerja bawahannya juga

harus berani berbuat demikian. Kepimpinan tersebut merupakan buah hasil daripada berfikir. Ia membuktikan bahawa manusia punya kuasa dan keupayaan untuk berfikir. Dalam hal ini, pemimpin dan pimpinannya kedua-duanya harus mampu berfikir. Berfikir mencari jalan ke arah kecemerlangan ummah. Pemimpin harus boleh ke hadapan dan ke belakang (maksudnya boleh menjadi imam dan makmum). Mereka harus mempunyai karisma untuk memimpin dan punya kerendahan diri untuk bergaul dengan masyarakat yang dipimpin. Perkara ini hanya akan terjadi jika jiwa pemimpin itu bersih dan luhur. Ibn Khaldun menyebut bahawa jiwa manusia harus disediakan untuk mencapai nilai kemalaikatan. Ini hanya wujud dengan gabungan kerohanian jiwa dan kebenaran.

#### **ii. Teori Kepimpinan Al-Mawardi**

Melalui penulisan kitab Al-Mawardi (1978) iaitu Ahkām Al-Sultāniyyah (Undang-undang Kesultanan) telah menyentuh tajuk-tajuk penting yang dikaji oleh penulis-penulis pentadbiran umum yang moden. Al-Mawardi telah membuat pengkajian mengenai kepimpinan yang dikenali dalam negara Islam sebagai al-Imamah. Beliau berpendapat seorang pemimpin mesti menjalankan tugas-tugasnya sendiri bagi menjalankan polisi negara dan kepentingan agama. Di antara penekanan bagi para pemimpin ialah kewajipan melantik orang yang layak dan amanah bagi sesuatu jawatan. Dua kriteria yang ditegaskan oleh beliau ini akan menjamin seseorang untuk komited terhadap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Al-Mawardi telah mensyaratkan beberapa kriteria yang perlu ada pada seorang pemimpin antaranya adil, mempunyai ilmu yang membolehkan dia berjihad, sempurna pancaindera, selamat anggota tubuh badan dari kekurangan yang menghalang pergerakannya, mempunyai pengetahuan tentang pentadbiran dan siasah rakyat, bersifat berani dan tegas yang membolehkannya mempertahankan negara. Kriteria dan syarat tersebut memperlihatkan bahawa al-Mawardi amat menitikberatkan soal pemilihan dan perlantikan pemimpin dalam sesebuah kepimpinan untuk memastikan mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, amanah, bertanggungjawab dan ikhlas dan untuk memastikan tercapai matlamat sebenar kepimpinan Islam.

#### **iii. Teori Kepimpinan Al-Ghazali**

Menurut al-Ghazali, (1987) umat Islam mempunyai kewajipan untuk melantik pemimpin (imam atau khalifah). Beliau melihat asasnya bersumberkan kepada syariah dan bukan kepada rasional akal semata-mata. Ini kerana perlantikan pemimpin mempunyai kesan yang amat baik. Dengan adanya pemimpin, masyarakat dan negara akan mendapat manfaat. Asas Imam al-Ghazali ialah pemimpin yang dilantik dan ditaati akan melaksanakan peraturan dunia dengan sebaik mungkin sehingga memudahkan pelaksanaan peraturan agama. Tambahannya lagi, tidak wujud konflik antara dunia dan agama. Beliau menolak tanggapan bahawa agama boleh berjalan bila kehidupan dunia ditolak atau diketepikan. Dari perspektif kepimpinan terhadap tugas dan tanggungjawab dalam pimpinan, Imam al-Ghazali telah menggariskan dasar-dasar keadilan bagi pemimpin iaitu mengenali nilai kuasa, iaitu merupakan satu nikmat yang boleh membawa kebahagiaan dunia dan akhirat. Di samping itu juga, pemimpin yang komited terhadap tanggungjawab akan sentiasa mendapatkan nasihat dan pandangan daripada ulama' iaitu sentiasa berusaha menyelesaikan setiap isu dan permasalahan dengan sebaiknya.

## PERBAHASAN

### Dimensi dalam Kepimpinan Spritual dari Perpektif Kepimpinan Islam

Dalam model *Spiritual Leadership Theory* terdapat 3 (tiga) dimensi utama dan 6 (enam) variabel yang membentuk kerangka dasar teori ini iaitu: (1) *dimensi leader values, attitude and behaviors* (nilai, sikap dan perilaku pemimpin), yang meliputi: *vision* (visi), *hope/faith* (keyakinan) dan *altruistic love*; (2) *dimensi spiritual survival*, yang meliputi: *calling* dan *membership*; dan (3) *dimensi organizational outcomes*, iaitu komitmen organisasi (Fry et al., 2005). Dimensi-dimensi tersebut dijelaskan seperti berikut:

#### Visi (*vision*):

Menggambarkan perjalanan masa depan organisasi, apa yang dicita-citakan dan mengapa pemimpin dan pengikut harus berusaha untuk mencipta masa depan. Dalam kepimpinan Islam visi adalah merealisasikan ketauhidan kepada Allah kerana proses kemajuan manusia digambarkan sebagai perjalanan insan menuju kepada falah (kejayaan) dan ihsan (keunggulan) dalam kehidupan dunia dan akhirat. Oleh itu pemimpin harus mempunyai misi dan visi. Mereka harus bersifat kontemporari dan mampu meninjau masa hadapan. Dengan kesedaran itu pemimpin akan bersedia dan menyediakan organisasi yang dipimpinnya menghadapi sebarang keadaan yang mendatang. Contohnya seorang pemimpin yang komited terhadap tanggungjawabnya akan sentiasa bersedia dengan kebarangkalian yang akan menimpa organisasinya, dengan membuat pelbagai persiapan dan perancangan yang mantap.

#### Harapan/keyakinan (*hope/faith*):

Harapan yang positif berdasarkan kepada kepastian dan kepercayaan mutlak bahawa apa yang diinginkan dan diharapkan akan terjadi. Dimensi ini dalam konteks Islam merujuk kepada Iman yang merupakan asas untuk semua motivasi manusia, merangkumi kepercayaan dan tindakan dan didasarkan pada hati. Kualiti iman adalah dilihat ketabahan dan ketekunan diri dalam melaksanakan perintah dan menahan diri terhadap larangan Allah. Sehubungan dengan itu juga, pemimpin dituntut berakhlak mulia kerana ia sangat berkesan dalam pembentukan kehidupan yang murni. Antara kewajipan akhlak yang dianjurkan oleh Islam ialah menunaikan janji, bekerja dengan ikhlas, mengingati Allah dalam setiap kerja yang dibuat, bersedia menolong semua orang dalam pekerjaan kebajikan dan taqwa, sedia memberi nasihat dan dinasihati.

#### Nilai altruistik (*altruistic love*):

Perasaan keutuhan, keharmonian dan kesejahteraan melalui penjagaan, keprihatinan dan penghargaan terhadap diri sendiri dan orang lain. Sikap-sikap dalam dimensi tersebut adalah intergriti, amanah, rendah hati, keberanian, kesabaran, kebaikan, empati, kemaafan dan kesyukuran. Dalam kepimpinan dan pengurusan Islam menjadikan Rasulullah iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan dengan menjadikan sifat-sifatnya seperti Fatonah (Kebijaksanaan), Amanah (Berintergriti), Siddiq (Membenarkan) dan Tabligh (Menyampaikan). Semua nilai-nilai altruistik ini dapat dilihat melalui kepimpinan baginda rasul yang sentiasa meletakkan kebajikan umatnya sebagai tanggungjawab dan amanah.

### Panggilan (*calling*):

Panggilan adalah pengalaman apabila seseorang mempunyai tujuan untuk kehidupan yang bermakna. Tujuan umat Islam dalam hidup adalah menyembah Allah dalam melayani perintah serta laranganNya. Manusia dapat menyedari tujuan mereka dengan menghormati kepercayaan yang diberikan kepada mereka (amanah). Pemimpin yang jujur terhadap tugas dan organisasi akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sentiasa berusaha menggembleng tenaga dan fikiran untuk kesejahteraan umum.

### Keahlian (*membership*):

Keahlian adalah pengalaman seseorang yang mempunyai rasa kepunyaan dan kemasyarakatan yang merangkumi struktur budaya dan sosial yang perlu difahami dan dihargai. Dalam kepimpinan Islam keahlian ini merujuk kepada masyarakat Islam yang disebut sebagai ummah. Identiti masyarakat Islam (ummah) berdasarkan etika Islam seperti konsep wasatiah yang melihat kepada keseimbangan yang konsisten, kelakuan teladan, kesatuan tujuan dan persaudaraan.

## RUMUSAN

Kepimpinan melibatkan keupayaan seseorang pentadbir atau pengurus di setiap peringkat pengurusan untuk mendorong, mempengaruhi, membawa dan menggunakan setiap sumber organisasi (manusia, benda dan perkara) supaya saling berperanan atau masing-masing berfungsi ke arah pencapaian objektif yang telah ditentukan. Kepimpinan juga melibatkan usaha merangsang pekerja bawahan untuk berperanan supaya matlamat dapat dicapai, menentukan visi dan hala tuju organisasi dipatuhi dan menjadi penghubung atau juru bicara organisasi. Secara kesimpulannya, teori-teori kepimpinan yang dilahirkan oleh para tokoh ilmu Islam berkenaan, menunjukkan bahawa kepimpinan daripada perspektif Islam amat menitikberatkan aspek ciri dan keperibadian seorang pemimpin. Bermula daripada pemilihan calon sehinggalah kepada perlantikan jawatan sebagai pemimpin atau ketua. Ini menjelaskan bahawa pemilihan pemimpin yang terbaik akan menjamin komitmen pemimpin tersebut terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Perkara ini dapat mengurangkan risiko penyelewengan, penipuan dan seumpama dengannya, malah kewibawaan seseorang yang diangkat menjadi pemimpin tidak perlu dipersoalkan lagi.

## RUJUKAN

- Abu Hassan Ali Ibn Muhamad Ibn Habid Al-Mawardi, *Al-Aḥkām Al-Sultāniyyah wa Al-Wilayah Al- Diniyah*, (Beirut : Dar al-Kutub al-‘Alamiah, 1978).
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *Demokrasi dan Kepemimpinan Islam: Suatu Perbandingan*, (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), 32.
- Amrozi, S. R. (2014). *The Power of Rasulullah’s Leadership*. Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Carter. (2007). “Overview of Leadership in Organizations”. [http://www. managementhelp.org/ldrship/ldrship.htm#anchor4623](http://www.managementhelp.org/ldrship/ldrship.htm#anchor4623). Tarikh dicapai: 25 Julai 2007.
- Cleland, D.I. (2004). “Field Guide To Project Management”. 2nd. Ed. New Jersey: John Wiley.
- Gumusluoglu, L. & Ilsev, A. (2009). Transformational Leadership, Creativity and Organizational Innovation. *Journal of Business Research*, 62, 461-473
- Hannan Hassan, (2004) “Kepentingan pemikiran kritikal dan kreatif dalam pendidikan”, laman sesawang pemikiran Islam, dicapai 11 Februari 2014, [www.rsi.com.sg/malay/pemikirislam/](http://www.rsi.com.sg/malay/pemikirislam/).
- Hj Dahari Hj Derani, (2010) “Kepimpinan”, (Artikel ini dipetik daripada Bahagian Pembangunan Modal Insan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).
- Imam Ghazali, Al-Tibr al-Masbuk fi Nashihat al-Muluk, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1987).
- Khan, Z., Kahn, S. & Shahzad, S. (2013). Moderating role of procedural justice and empowerment in transformational leadership with its impact on organizational commitment. *International Review of Management and Business Research*, 2(3), 847-852.
- Masribanun Duki dan Ab. Halim Tamuri, (2011) “Perspektif Islam Terhadap Kepimpinan Dalam Pendidikan”, *Jurnal Pendidikan Islam*, 12 (1) , 21-37.
- Michael H. Hart, (1978). *The 100: A Ranking of The Most Influential Persons In History*. Carol Publications Group
- Nayal Rashed Mukred Mohsen. (2007) “Leadership From The Qur’an Relationship Between Taqwa, Trust and Business Leadership Effectiveness”, (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2007).
- Omar Bin Abdul, (2012) “Pemimpin dan Kepimpinan Menurut Perspektif Islam”, laman sesawang Pekdis Melaka, dicapai 14 Oktober 2012, <http://pekdismelaka.net>.

Syahrul Nizam Junaini, (2004) “Pemikiran Ibnu Khaldun dari Perspektif Kepimpinan Ummah dalam Era Revolusi Maklumat”, (Seminar Pemikiran Ibnu Khaldun III, 1718 September 2004, Kuching, Sarawak, Malaysia), 1-16.

Thamrin, H.M. (2012). The influence of transformational leadership and organizational commitment on job satisfaction and employee performance. *International Journal of Innovation, Management and Technology*, 3(5), 566-572.